

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

YKT 301/4 - Komunikasi, Kelas dan Konflik

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Kebenaran adalah mangsa pertama apabila berlakunya peperangan. Bincangkan pendapat ini dalam konteks liputan Perang Teluk (1991) oleh media antarabangsa. (25 markah)
2. Dengan membahaskan corak "demokrasi" yang dimajukan di Malaysia masakini, nilaikan pandangan bahawa dalam konteks "masyarakat membangun", seperti Malaysia, Negara ("State") berhak menguasai media sepenuhnya. (25 markah)
3. Peranan Negara ialah untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan seluruh masyarakat. Nilaikan pandangan liberal-demokrat ini dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas. (25 markah)
4. Sistem komunikasi berperanan penting dalam proses mencapai persetujuan dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkan sistem demokrasi sebab ianya adalah cabang keempat Negara dan mewakili semua pihak. Dengan menyediakan contoh-contoh berdasarkan pendekatan ekonomi-politik, nilaikan pandangan ini. (25 markah)
5. Kelas tidak seharusnya menjadi persoalan apabila menganalisis kaitan komunikasi dengan masyarakat Malaysia sebab yang menjadi masalah utama di Malaysia ialah soalan perkauman. Bincangkan pandangan ini. (25 markah)
6. Komunikasi telah mewujudkan sistem kapitalisme. Bincangkan pandangan ini berdasarkan perkembangan sistem ekonomi-politik antarabangsa dan sistem-sistem komunikasi. (25 markah)

-ooo00ooo-